

Fairus wakil tunggal Malaysia di AYP Ke-13

Fairus (kiri) bersama-sama delegasi AYP'13.

Oleh Mohd Zaini Othman
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

Pelajar program Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Fairus Abdul Manaf, muncul wakil tunggal Malaysia yang menyertai Asian Youth Forum kali Ke-13 (AYF'13) di Bangkok, Thailand, baru-baru ini.

Beliau dipilih bersama-sama 67 peserta institusi pengajian tinggi (IPT) dari pelbagai negara termasuk Bangladesh, China, Indonesia, Japan, Itali, Rusia, Korea Selatan, Thailand, Mongolia dan Filipina.

Fairus ketika ditemui berkata, dia teruja apabila berpeluang menyertai forum yang disifatkannya

sebagai satu program bermanfaat apabila dapat berkongsi idea dan pandangan berkaitan isu budaya, bahasa, kepimpinan, sosial dan global.

Sepanjang program, katanya, peserta perlu berkomunikasi antara satu sama lain dengan mengutarakan pelbagai idea dan perspektif baharu bagi menghadapi serta menyelesaikan cabaran dunia masa kini.

"Penyertaan dalam AYP'13 adalah satu tanggungjawab besar dan saya berpeluang membentangkan mengenai keunikan negara. Alhamdulillah, ia mendapat respon positif daripada peserta lain.

Semangat berpasukan

"Kami juga berbincang dan bekerjasama menjalankan pelbagai aktiviti termasuk menerusi sesi bengkel, forum terbuka, ucpatama bersama-sama tokoh terkemuka yang secara tidak langsung memupuk semangat kerjasama berpasukan," katanya.

AYF yang diasaskan Profesor Kip Cates dari Universiti Tottori, Japan pada tahun 1999 merupakan program tahunan peringkat antarabangsa yang menyasarkan penyertaan pelajar IPT di Asia.

Penganjuran AYP'13 mendapat kerjasama beberapa organisasi seperti Japan Association for Language Teaching (JALT), Thai TESOL, Far Eastern English Language Teachers Association (FEELTA), Philippine Association of Language Teachers (PALT), Bangladesh English Language Teachers Association (BELTA) dan Korea Teachers of English to Speakers of Other Languages (KoTESOL).

Antara bandar raya yang pernah menjadi tuan rumah penganjuran AYP sebelum ini adalah Seoul, Korea Selatan; Kokura dan Tokyo, Jepun; Taipei, Taiwan; Vladivostok, Rusia dan Manila, Filipina.

